



KERAJAAN MALAYSIA

Garis Panduan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN**PB 3.5 Garis Panduan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)**

1. Tujuan	1
2. Skop Penggunaan Pemberian TAHAP	1
3. Mekanisme Pemberian TAHAP	2
4. Pelaporan Perbelanjaan Pemberian TAHAP Oleh Kerajaan Negeri	2
5. Tarikh Kuat Kuasa	2
6. Lampiran	4

PB 3.5 GARIS PANDUAN PEMBERIAN BERDASARKAN TAHAP PEMBANGUNAN EKONOMI, INFRASTRUKTUR DAN KESEJAHTERAAN HIDUP (PEMBERIAN TAHAP)

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan Pemberian TAHAP secara terus kepada semua Kerajaan Negeri pada setiap awal tahun mulai tahun 2021.
- 1.2 Pegawai Kewangan Negeri hendaklah memastikan supaya semua perbelanjaan Pemberian TAHAP yang dibuat oleh agensi/ jabatan/ Pihak Berkuasa Tempatan di bawah seliaan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada skop penggunaan dan mekanisme pemberian yang ditetapkan di dalam Garis Panduan ini.

2. SKOP PENGGUNAAN PEMBERIAN TAHAP

- 2.1 Pemberian TAHAP bertujuan membantu negeri-negeri melaksanakan program/ projek pembangunan bagi manfaat rakyat sekali gus dapat merapatkan jurang kekayaan dan pendapatan supaya mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi seimbang.
- 2.2 Pemberian TAHAP ini digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri termasuk projek pengurusan ekologi bagi melindungi kawasan perlindungan hutan dan marin di negeri masing-masing.
- 2.3 Skop penggunaan Pemberian TAHAP adalah seperti perincian di **Lampiran A**.

3. MEKANISME PEMBERIAN TAHAP

- 3.1 Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan Pemberian TAHAP secara terus kepada Kerajaan Negeri pada setiap awal tahun. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan Pemberian TAHAP ini dibelanjakan bagi skop yang ditetapkan seperti di para 2 Garis Panduan.
- 3.2 Pegawai Kewangan Negeri hendaklah memastikan penyaluran peruntukan dibuat berasaskan kepada kemajuan pelaksanaan program/ projek. Pegawai Kewangan Negeri juga hendaklah memastikan bahawa tidak berlaku elemen penyaluran peruntukan ke agensi/ badan berkanun/ jabatan/ anak syarikat di bawah seliaan Kerajaan Negeri untuk disimpan atau ditindik (*parking*) bagi memastikan peruntukan yang disalurkan dapat menjana dan merangsang aktiviti ekonomi negeri dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

4. PELAPORAN PERBELANJAAN PEMBERIAN TAHAP OLEH KERAJAAN NEGERI

- 4.1 Kerajaan Negeri perlu mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun kepada Unit Kewangan Negeri, Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.
- 4.2 Laporan prestasi perbelanjaan hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit Negeri bagi memastikan semua urusan perbelanjaan dibuat berdasarkan kepada skop perbelanjaan yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan ini dan pembayaran dibuat berdasarkan kepada peraturan dan tatacara kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa. Format laporan prestasi perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran B**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Pemberian TAHAP ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2021**.

Kementerian Kewangan
PUTRAJAYA

11 Mac 2021

LAMPIRAN A

SKOP PENGGUNAAN PEMBERIAN TAHAP**(A) PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN:**

- 1. Projek-projek pembinaan/ menaik taraf/ pembaikan/ penggantian/ ubahsuai seperti berikut:**
 - i. jalan negeri;
 - ii. jambatan/ pembentung (*culvert*)/ parit/ longkang/ cerun; dan
 - iii. laluan pejalan kaki/ jejantas/ laluan motosikal.

- 2. Projek Pembangunan Luar Bandar**
 - i. Projek infrastruktur dan kemudahan asas seperti bekalan air/ elektrik luar bandar; dan
 - ii. Program/ projek pengupayaan ekonomi luar bandar dan komuniti desa.

- 3. Projek Pertanian, Industri Makanan, Perladangan dan Komoditi**
 - i. Projek pembangunan agromakanan dan bekalan makanan (termasuk industri padi dan beras, pengairan serta saluran pertanian, pertanian, perkhidmatan veterinar dan perikanan);
 - ii. Projek perladangan dan komoditi;
 - iii. Program keusahawanan tani; dan
 - iv. Program/ projek yang memberi faedah langsung kepada petani-petani secara berkelompok atau keseluruhan petani-petani.

- 4. Projek Pengairan dan Saliran, Pembentungan dan Alam Sekitar**
 - i. Projek pengairan dan saliran;
 - ii. Projek perkhidmatan pembetungan; dan
 - iii. Projek pengurusan alam sekitar.

5. Projek-projek Kecil

- i. Menyelenggara masjid, surau dan rumah ibadat serta kemudahan berkaitan termasuk dataran kejut;
- ii. Menaiktaraf/ membaiki/ menyelenggara pusat komuniti, dewan serbaguna, dewan orang ramai dan balai raya;
- iii. Membaik pulih/ menyelenggara pondok perhentian bas, stesen bas dan teksi;
- iv. Membaik pulih/ menyelenggara jambatan kecil/ titi, jejantas, laluan lintasan pejalan kaki dan motorsikal;
- v. Membaik pulih/ menyelenggara lampu jalan, lampu isyarat, lampu perhiasan dan lampu limpah;
- vi. Membaik pulih/ menyelenggara fasiliti sukan, kemudahan rekreasi dan riadah serta taman permainan kanak-kanak;
- vii. Membaik pulih/ menyelenggara premis IKS, pasar borong, pasar awam, arked/ gerai perniagaan dan gerai penjaja;
- viii. Membaik pulih/ menyelenggara kemudahan pelancongan, jeti pelancongan dan tapak sejarah;
- ix. Membaik pulih/ menyelenggara perkampungan nelayan, jeti nelayan dan jeti pendaratan ikan;
- x. Membaik pulih/ menyelenggara muzium, galeri, arkib, perpustakaan dan kemudahan berkaitan;
- xi. Menyelenggara kemudahan landskap dan mercu tanda negeri;
- xii. Membaik pulih/ menyelenggara kawasan perkuburan;
- xiii. Membaik pulih/ menyelenggara institusi pendidikan agama negeri;
- xiv. Membina/ membaik pulih rumah orang miskin;
- xv. Membaik pulih/ menyelenggara infrastruktur asas di Rumah Perumahan Awam (RPA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR);

- xvi. Membaik pulih/ menyelenggara infrastruktur asas di kampung-kampung tradisi seperti lorong jalan menuju rumah ke rumah, jambatan kayu/ titi dan sistem perparitan;
- xvii. Membaik pulih dan menyelenggara sistem retikulasi air luar bandar;
- xviii. Membaik pulih dan menyelenggara kolam takungan air;
- xix. Membersih parit, longkang, tali air, ban dan sungai;
- xx. Menyelenggara benteng hakisan pantai, memperdalam sungai dan kuala sungai; dan
- xxi. Membaik pulih/ menyelenggara tandas awam.

6. Projek Pemeliharaan Kawasan Perlindungan Hutan dan Marin (Ekologi)

- i. Projek pemeliharaan kawasan perlindungan hutan dan marin sedia ada dan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambah kawasan perlindungan yang baharu dengan memberi penekanan kepada kriteria kualiti pengurusan kawasan seperti berikut:
 - (a) membangunkan, mengkaji semula dan melaksanakan pelan pengurusan, kajian *Payment for Ecosystem Services* (PES), penentuan *carrying capacity* dan aktiviti bagi kawasan sensitif alam sekitar, rezab hidupan liar, kawasan berkepentingan antarabangsa, taman-taman perlindungan marin dan taman-taman eko-pelancongan;
 - (b) melaksanakan program bagi membangunkan perkongsian tanggungjawab bersama pengurusan kawasan perlindungan dengan komuniti setempat (*community conserved area/ co-management*);
 - (c) melindungi, menjalankan restorasi dan pengayaan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Rezab Hidupan Liar, habitat utama kelieran hidupan liar dan marin;
 - (d) melaksanakan projek dan aktiviti yang bertujuan untuk melibatkan penyertaan masyarakat dalam pengurusan, pemantauan dan perlindungan bidang penting pelbagai biologi dan kawasan sensitif terhadap alam sekitar;

- (e) mengenalpasti dan mewartakan kawasan perlindungan termasuk hutan perlindungan dalam kawasan HSK, tanah lembap, tanah gambut dan kawasan perlindungan marin;
 - (f) membangunkan instrumen pengurusan, pemantauan dan penilaian bagi pengkalan dan pemuliharaan kawasan berkepentingan biodiversiti antarabangsa seperti tapak RAMSAR dan *Man and Biosphere* (MAB); dan
 - (g) mengenalpasti, mencadangkan/ menyokong cadangan pewartaan kawasan perlindungan yang baharu melalui pembiayaan dana untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains, teknologi dan sosio ekonomi yang berkaitan dengan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan pengurusan sumber asli secara lestari yang selaras dengan dasar berkaitan pemuliharaan dan komitmen nasional dalam perjanjian multilateral berkaitan alam sekitar.
- ii. Program pemulihan/ restorasi/ pemuliharaan HSK/ kawasan berhutan, kawasan perlindungan marin, santuari perikanan darat (*inland water sanctuaries*) dan spesies terancam.
 - iii. Projek pembangunan/ pembinaan/ penyelenggaraan/ menaik taraf prasarana, jalan-jalan hutan dan infrastruktur ekopelancongan/ pusat informasi/ pameran dan interpretasi di kawasan HSK/ kawasan perlindungan marin dan santuari perikanan darat (*inland water sanctuaries*).
 - iv. Penandaan/ penyelenggaraan sempadan atau pengezonan kawasan aktiviti (zon rekreasi, zon konservasi, zon penyelidikan dan lain-lain yang berkaitan) hutan simpan/ kawasan perlindungan marin.
 - v. Kerja-kerja menaiktaraf, penyelenggaraan dan baikpulih tapak semaian termasuk pusat penetasan penyu dan tapak semaian anak pokok bakau.
 - vi. Rawatan tanaman pokok hutan/ rawatan tanaman pesisir pantai/ rawatan penanaman semula/ penyulaman termasuk inventori pokok bagi pengkalan kawasan hutan.
 - vii. Pelaksanaan program-program pemantauan/ survei tahap kesihatan ekosistem, penyelidikan, inventori kepelbagaian spesies dan program Communication, Education and Public

Awareness (CEPA) dalam kawasan HSK/ santuari perikanan darat/ kawasan perlindungan marin.

- viii. Projek dan latihan pembangunan sumber manusia dalam melaksanakan, menambahbaik polisi, undang-undang dan peraturan, garis panduan dalam bidang pemuliharaan.
- ix. Kerja-kerja operasi penguatkuasaan/ risikan bagi pengawalan sumber hutan dan marin.

(B) PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN:

1. Projek Kerajaan Persekutuan

Projek yang dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan seperti berikut:

- (a) Pinjaman Kerajaan Persekutuan;
- (b) Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS);
- (c) Projek yang diimbuh balik (*reimbursable*) oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (d) Projek-projek pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia.

2. Projek Kecil Ahli Parlimen Dan Ahli Dewan Undangan Negeri

Semua projek kecil Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri tidak dibenarkan.

3. Pengambilan Balik Tanah

Perbelanjaan melibatkan pengambilan balik tanah tidak dibenarkan.

LAMPIRAN B

**LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PEMBERIAN TAHAP BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER TAHUN**

NEGERI :

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN/ PERBELANJAAN (RM)	JUMLAH PERATUS (%)
(A)	PERUNTUKAN YANG DITERIMA		
(B)	PERBELANJAAN		
1.	Perbelanjaan Tahap Pembangunan Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (Senaraikan perbelanjaan bagi skop perbelanjaan dan jumlah perbelanjaan mengikut skop aktiviti):		
	a. _____	xxx	
	b. _____	xxx	
	c. _____	xxx	
	d. _____	xxx	
	Jumlah (1)	xxx	xx (%)
2.	Perbelanjaan TAHAP (Ekologi) (Senaraikan perbelanjaan bagi skop perbelanjaan dan jumlah perbelanjaan mengikut skop aktiviti):		
	a. _____	xxx	
	b. _____	xxx	
	c. _____	xxx	
	d. _____	xxx	
	Jumlah (2)	xxx	xx (%)
	JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN [B= (1) + (2)]	xxx	xx (%)
	BAKI SEMASA [(A) – (B)]	xxx	xx (%)

Disemak oleh :

Disahkan Oleh:

Pegawai Kewangan Negeri

Pengarah Audit Negeri

Tarikh :

Tarikh :